

UJIAN INTERVENSI 2 2017

BAHASA MALAYSIA (PERMAHAMAN) TAHUN 6

1 JAM 15 MINIT

BAHAGIAN A

(20 markah)

Soalan 1 hingga 16

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

1. Beberapa orang penawas berdiri di hadapan pintu pagar sekolah. \_\_\_\_\_ sedang menanti kedatangan tetamu kehormat yang telah dijemput.  
A. Mereka                      B. Dia                              C. Beliau                              D. Kita
2. "Tuanku, akan \_\_\_\_\_ masak nasi goreng itu," kata Mak Inang kepada tuan puteri.  
A. tuan hamba                      B. beta                              C. hamba                              D. patik
3. Guru disiplin telah membuat \_\_\_\_\_ kepada semua murid tahap dua melalui pembesar suara.  
A. permohonan                      B. pengumuman                      C. pelaporan                      D. pembentangan
4. Kuah kari ayam yang dimasak oleh kakak agak \_\_\_\_\_ kerana terlebih cili.  
A. pedas                              B. tawar                              C. masin                              D. payau
5. Muka adik \_\_\_\_\_ seperti cuka apabila dimarahi oleh emak pada awal pagi tadi.  
A. manis                              B. masam                              C. tawar                              D. ceria

**Soalan 6** berdasarkan gambar di bawah.



6. Pak Cik Johan duduk \_\_\_\_\_ di serambi sambil berbual-bual dengan beberapa orang kawanya.
- A. berpeluk            B. bergoyang            C. bersila            D. berlunjur
7. \_\_\_\_\_ menjadi johan dalam pertandingan nyanyian, Mak Cik sentiasa sibuk memenuhi undangan.
- A. Semenjak            B. Selagi            C. Bahawa            D. Untuk

**Soalan 8** berdasarkan gambar di bawah.



8. Tukang masak itu \_\_\_\_\_ ulam-ulaman di dalam sebuah mangkuk untuk dibuat kerabu.
- A. menapis            B. menggaul            C. menuang            D. mengambil
9. Pertandingan mencari harta karun itu \_\_\_\_\_ diteruskan walaupun hujan renyai-renyai mulai turun.
- A. pernah            B. telah            C. masih            D. belum
10. Kakak Liza tidak mahu keluar rumah kerana cuaca \_\_\_\_\_ panas pada petang itu.
- A. sekali            B. benar            C. nian            D. terlalu
11. Cincin mutiara ini dibeli oleh Puan Azlina \_\_\_\_\_ luar negara semasa dia melancong \_\_\_\_\_ sana.
- A. demi ... dan            B. di ... ke            C. untuk ... ke            D. kepada ... oleh

12. Adik berdiri di \_\_\_\_\_ ayah apabila ternampak seekor anjing tidak jauh dari situ.

- A. belakang                      B. atas                              C. bawah                              D. celah

**Soalan 13** berdasarkan gambar di bawah.

13. Pasangan pengantin itu diarak menaiki sebuah \_\_\_\_\_ semasa majlis persandingan mereka.

- A. kereta kuda                      B. kereta kebal                      C. kereta lembu                      D. kereta api

14. Puan Suraya merebus beberapa \_\_\_\_\_ jagung untuk anak lelakinya.

- A. biji                              B. batang                              C. tongkol                              D. ruas

Pilih ayat tanya berdasarkan jawapan yang diberi.

15. Majlis cukur jambul itu akan bermula pada bila-bila masa dari sekarang.

- A. Di manakah majlis cukur jambul itu akan diadakan?  
B. Mengapakah majlis cukur jambul itu diadakan?  
C. Bilakah majlis cukur jambul itu akan diadakan?  
D. Siapakah yang mengadakan majlis cukur jambul?

16. Pilih ayat yang betul.

- A. Mak Cik Zainun bercadang untuk memperbesarkan dapur rumahnya.  
B. Berbagai-bagai fesyen baju-baju dijual di pasar malam itu.  
C. Anjing itu menyalak apabila melihat orang yang tidak dikenalnya.  
D. Pak Cik Dolah makan keropok ikan bercicahkan cili sos.

Soalan 17 hingga 20

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Demam campak ialah penyakit yang disebabkan oleh jangkitan virus. Penyakit ini boleh merebak melalui udara iaitu ketika pesakit bersin atau berkongsi gelas dengan pesakit. Pada kebiasaannya, demam campak dialami oleh bayi dan kanak-kanak kerana system imunisasi mereka masih lemah.

Antara gejala demam campak termasuklah mata merah atau sensitive terhadap cahaya, selesema, sakit tekak, hidung tersumbat dan demam panas. Selain itu, pesakit demam campak mengalami ruam berwarna merah pada seluruh kulit tubuh.

Pesakit demam campak perlu minum air sebanyaknya untuk mengelakkan dehidrasi tubuh dan melegakan tekak yang gatal sebagai akibat batuk. Selain itu, pesakit digalakkan minum air kelapa muda untuk menurunkan demam.

Demam campak boleh dielakkan dengan cara mengambil suntikan ketika berusia 15 bulan dan antara umur lima hingga enam tahun. Pesakit demam campak juga perlu diasingkan daripada kanak-kanak lain untuk mengelakkan jangkitan. Pesakit juga dinasihati memakai penutup hidung dan mulut supaya virus tidak merebak semasa mereka bersin.

Pesakit demam campak perlu mengikut beberapa pantang larang untuk mempercepat proses penyembuhannya. Mereka dilarang terkena hujan agar parut campak itu tidak kekal seumur hidup. Di samping itu, pesakit demam campak dilarang makan makanan yang berminyak dan pedas serta kicap agar bekas parut tidak menjadi hitam.

17. Bagaimanakah virus demam campak boleh merebak?
- A. ketika pesakit berbual-bual
  - B. ketika pesakit tidur
  - C. ketika pesakit bersin
  - D. ketika pesakit berehat
18. Yang berikut merupakan gejala demam campak kecuali
- A. demam panas
  - B. sakit kepala
  - C. sakit tekak
  - D. selesema
19. Mengapakah pesakit demam campak perlu minum banyak air?
- A. untuk memastikan air di dalam badan sentiasa cukup
  - B. untuk mengelakkan kehausan
  - C. untuk mengelakkan sakit-sakit badan yang berpanjangan
  - D. untuk mengelakkan jangkitan kuman
20. Pilih pernyataan yang benar tentang petikan
- A. Pesakit demam campak mesti bersukan supaya cepat sembuh.
  - B. Orang dewasa paling banyak mengalami demam campak.
  - C. Pesakit demam campak mudah mengalami kekejangan otot.
  - D. Pesakit demam campak mengalami ruam di seluruh badan.

BAHAGIAN B

[30 markah]

Soalan 21

Pilih perkataan yang paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam petikan yang diberi.

di	daripada	oleh	tentang
untuk	Dengan	kepada	dari

Lembah Belum kaya dengan pelbagai jenis tumbuh-tumbuhan dan menjadi habitat semula jadi bagi beratus-ratus sepsis haiwan. Lembah Belum yang terletak di daerah Hulu Perak initerbahagi \_\_\_\_\_ dua bahagian, iaitu Royal Belum dan Hutan Simpan Temenggor. Kawasan ini menjadi destinasi pelancongan yang popular. Ramai pelancong datang \_\_\_\_\_ menikmati keindahan alam semula jadi. Di Lembah Belum juga terdapat banyak perkampungan orang asli yang tinggal \_\_\_\_\_ tepi tasik dan sungai. Kaum orang asli yang menetap di lembah ini adalah \_\_\_\_\_ suku kaum Jahai, Temiar dan Negrito.

Soalan 22

a) Tulis ayat aktif yang paling sesuai bagi ayat pasif yang diberi.

Ayat Aktif:

---

---

Ayat Pasif:

Kem motivasi diri untuk semua murid tahun 6 akan diadakan oleh pihak sekolah.

b) Tulis dialog yang sesuai bagi watak di bawah.



---

---

c) Isi tempat kosong dengan simpulan Bahasa yang sesuai.

gelap mata	cahaya mata	mata duitan	rambang mata
------------	-------------	-------------	--------------

- i) Junita \_\_\_\_\_ apabila melihat pakaian yang dijual di kedai itu cantik-cantik belaka.
- ii) Puan Hani dan suaminya sangat gembira kerana merekabarunya sahaja menimang \_\_\_\_\_.

### Soalan 23

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Penyapu banyak mempunyai kegunaan. Hampir setiap rumah mempunyai penyapu. Akan tetapi, banyak juga pantang larang yang wujud dalam kalangan kaum Cina tentang penyapu.

Mengikut kepercayaan orang Cina, penyapu mempunyai roh atau semangat sendiri. Penyapu tidak boleh disalahgunakan, kecuali untuk membersihkan rumah dan kedai sahaja.

Penyapu tidak boleh digunakan untuk membersihkan perkakas pemujaan dan sembahyang kawasan di rumah orang Cina. Hanya kain bersih dari berus khas yang dibenarkan.

Semasa perayaan Tahun Baharu Cina, menyapu rumah atau kedai tidak dibenarkan selama tiga hari pertama perayaan. Hal ini kerana perbuatan tersebut boleh menghilangkan tuah atau menghalau Dewa Wang yang dipercayai akan singgah di rumah atau di kedai kita.

Orang Cina juga mempunyai kepercayaan bahawa jika seseorang itu dipukul dengan penyapu, maka orang itu akan mendapat kecelakaan selama beberapa tahun.

Penyapu juga digunakan untuk menghilangkan semangat buruk atau lemah. Penyapu disapu di seluruh badan pesakit sambil menghadap patung-patung pemujaan. Sejurus selepas itu, penyapu-penyapu itu akan dipukul dan dipijak untuk mengeluarkan semangat yang tidak diinginkan.

a) Apakah kepercayaan orang Cina terhadap penyapu?

---


---

b) Mengapakah perbuatan menyapu rumah atau kedai semasa perayaan Tahun Baharu Cina tidak dibenarkan?

---

---

c) Padankan pernyataan di bawah ini berdasarkan petikan. Satu daripadanya telah ditunjukkan sebagai contoh.



Soalan 24

Baca dan fahami gegantung di bawah. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya.

**Program Gotong-royong Perdana 2017**  
**Anjuran: Persatuan Penduduk Taman Sri Murhibah**

Tarikh : 26 Mac 2017 (Ahad)  
Masa : 8.00 pagi hingga 2.00 petang  
Tempat Berkumpul : Dewan Serbaguna Taman Sri Murhibah

**Tujuan Program :**

- ◆ Memupuk perpaduan
- ◆ Mengeratkan silaturahim
- ◆ Memupuk amalan kerjasama
- ◆ Membersihkan kawasan perumahan

**Aktiviti gotong-royong :**

- Menghapuskan tempat pembiakan nyamuk aedes
- Membaiki alat-alat permainan yang rosak di taman rekreasi

Perhatian : Sila bawa peralatan yang bersesuaian (cangkul, parang, porigkes, sabit dan penyapu)  
: Sampah sarap yang dikumpulkan akan diangkut dengan lcri oleh pekerja majlis daerah yang turut serta dalam aktiviti ini.

a) Perkataan **silaturahim** dalam petikan membawa maksud

---

b) Program Gotong-royong Perdana 2017 diadakan pada

---

c) Apakah tujuan Program Gotong-royong 2017 diadakan?

---

---

d) Apakah yang akan berlaku sekiranya kanak-kanak bermain dengan alat-alat permainan yang rosak itu?

---

---

---



Soalan 25

Baca iklan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

**PERTANDINGAN MELUKIS DAN  
MEWARNA**

ANJURAN POPULAR DAN RAKAN MEDIA STAR  
Hadiah berjumlah lebih RM 10000 menanti anda !

Pendaftaran Percuma Tarikh: 18 dan 25 Februari 2017

Tempat: Dewan 8, Pusat Konvensyen Berjaya, Perak

Kategori	Tarikh	Pertandingan	Masa Pendaftaran	Masa Pertandingan	Penyampaian Hadiah
Kategori A 7-9 tahun	18.2.2017 (Sabtu)	Mewarna	2.00 petang - 3.00petang	3.00 petang - 5.00petang	5.30 petang - 6.00petang
Kategori B 10-12 tahun	25.2.2017 (Sabtu)	Melukis	2.00 petang - 3.00petang	3.00 petang - 5.00petang	5.30 petang - 6.00petang

**HADIAH**

**Hadiah Pertama**  
Kategori A Hamper bernilai RM 1200  
Kategori B Hamper bernilai RM 1500

**Hadiah Kedua**  
Kategori A Hamper bernilai RM 800  
Kategori B Hamper bernilai RM 1000

**Hadiah Ketiga**  
Kategori A Hamper bernilai RM500  
Kategori B Hamper bernilai RM600

**10 Hadiah sugu hati**  
Kategori A Hamper bernilai RM200  
Kategori B Hamper bernilai RM300

a) Di manakah pertandingan mewarna dan melukis itu akan diadakan?

---

b) Sekiranya kamu memenangi tempat kedua Kategori B, apakah hadiah yang akan kamu dapat?

---

---

c) Tandakan (✓) bagi pernyataan yang betul dan (X) bagi pernyataan yang salah berdasarkan iklan tersebut.

Pertandingan mewarna akan diadakan pada 18.2.2017	
Hadiah sagu hati bagi Kategori A ialah hamper bernilai RM 150	

d) Pada pendapat kamu, mengapakah kedua-dua pertandingan itu diadakan pada hari Sabtu?

---

---

---